

RM 2 juta bina 50 rumah di PPMS

GUA MUSANG 11 Feb. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta untuk membina 50 buah rumah dan kemudahan asas di Kawasan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) Kesedar Sejahtera di Ladang Chin Teck, di sini.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, peruntukan itu adalah tambahan kepada Program Bantuan Rumah (PBR) yang dilaksanakan di kawasan tersebut untuk membantu golongan tidak berkemampuan di negeri ini.

Menurutnya, peruntukan tersebut juga akan digunakan untuk membantu menjana ekonomi penduduk di kawasan berkenaan.

"Sebelum ini Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) telah membina 311 buah rumah di bawah program PBR di kawasan seluas 20 hektar dan peruntukan tambahan itu adalah untuk membantu mereka yang masih memerlukan.

"Ini adalah sumbangan kerajaan untuk terus membantu golongan yang memerlukan, kita bukan hanya bercakap kosong, kita laksanakan lebih awal daripada mereka yang sering melaung-laungkannya," katanya berucap pada Program Menteri Turun Padang di PPMS Kesedar Sejahtera di Ladang Chin Teck, di sini hari ini.

Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Shuryani Datuk Shuaib; Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ibrahim Muhammad dan Pengerusi Kesedar, Datuk Ramzi Ab. Rahman.

Sementara itu, Mohd. Shafie berkata, pihaknya akan menubuhkan Pusat Informasi Luar Bandar di beberapa kawasan strategik di seluruh negara bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat terhadap kementerian dan agensi-agensi tertentu.

"Pusat yang pertama kita bina ialah di Gopeng, Perak dan ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 18 Februari ini diikuti di Wakaf Che Yeh, Kelantan dan akan ke seluruh negara secara berperingkat," katanya.